

Media Title : Harian Metro
Headline : RM79,992 melayang kena gertak scammer
Date : 23 June 2023
Section : Lokal
Page : 8



RM79,992 melayang kena gertak scammer

Kuantan: Digertak melalui panggilan telefon sudah cukup membuatkan seorang wanita warga emas berusia 73 tahun kehilangan RM79,992 akibat diperdaya scammer.

Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman, berkata, berdasarkan laporan wanita menerima panggilan telefon daripada suspek menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) pada 20 Jun lalu.

Katanya, suspek memaklumkan kad kredit milik mangsa digunakan untuk urus niaga penyeludupan dadah di luar negara.

"Berikutan itu, suspek meminta maklumat perbankan mangsa sebelum mengaktifkan perbankan secara dalam talian bagi akaun berkenaan.

"Selepas itu mangsa menerima beberapa sistem pesanan ringkas (SMS) transaksi pemindahan wang dari akaun miliknya sehingga mengalami kerugian sebanyak RM79,992.

"Kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya semalam.

Susulan itu, beliau menasihati orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan



Mangsa menerima beberapa SMS transaksi pemindahan wang dari akaun miliknya sehingga mengalami kerugian sebanyak RM79,992"

Yahaya

berkenaan bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima dipautan <https://semak-mule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.